

Kaji semula SOP anggota keselamatan naiki trak

Kuala Lumpur: Aspek keselamatan asas pada trak milik pasukan keselamatan digunakan bagi tujuan membawa anggota, perlu dipertingkatkan termasuk pemasangan tali pinggang keledar penumpang dan kawalan had laju disesuaikan dengan keadaan laluan.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Law Teik Hua, berkata langkah keselamatan atau prosedur operasi standard (SOP) sedia ada untuk anggota yang naiki trak perlu dikaji semula secara menyeluruh khususnya berkaitan aspek pengangkutan.

“Garis panduan ketat perlu ditetapkan bagi kenderaan yang membawa penumpang di ruang terbuka atau separa tertutup seperti trak Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) termasuk mengambil kira keperluan tempat duduk tetap, penggunaan peralatan keselamatan seperti tali pinggang keledar dan kawalan had laju disesuaikan dengan kondisi jalan.

“Sekiranya kenderaan tiada ciri keselamatan itu, aspek itu perlu diutamakan untuk diberi perhatian bagi memastikan keselamatan anggota yang duduk di bahagian belakang trak,” katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau mengulas tragedi nahas jalan raya yang mengorbankan sembilan anggota Unit 5 FRU Perak selepas trak dinaiki mereka bertembung lori batu dalam kejadian dekat Langkap, Teluk Intan pagi kelmarin.

Teik Hua berkata, tanpa ciri keselamatan asas seperti tali pinggang keledar pada tempat duduk dalam trak itu satu kekurangan serius dari sudut keselamatan.

“Dalam situasi kemalangan atau brek mengejut, anggota di belakang amat terdedah kepada kecederaan parah atau maut berikutan tiada sebarang sistem penahan.

“Penumpang yang duduk di belakang trak tanpa tali pinggang keselamatan sememangnya berisiko tinggi, sama ada berisiko

tercampak keluar, tertindih barangan atau mengalami impak langsung dalam kemalangan.

“Jadi sebagai penyelesaian, semua trak wajib dipastikan dinaik taraf dengan tempat duduk berpenahan dan dilengkapi tali pinggang keledar untuk setiap anggota,” katanya.

Selain itu katanya, muatan barangan dalam trak perlu disusun kemas bagi mengelakkan ia tidak menimbulkan bahaya apabila berlaku sesuatu nahas di samping menetapkan kapasiti maksimum anggota dalam satu perjalanan.

“Pada masa sama, keperluan penambahbaikan sememangnya perlu kerana trak digunakan membawa manusia perlu memenuhi piawaian keselamatan seperti pengangkutan awam lain.

“Reka bentuk trak FRU perlu dipertimbang semula termasuk sistem suspensi, pelapik perlindungan dalaman serta struktur badan kenderaan lebih tahan lasak dan selamat,” katanya.

Perkemas tahap keselamatan
Presiden CUEPACS, Datuk Dr Adnan Mat, juga menggesa kerajaan mengambil langkah memperkemas tahap keselamatan kenderaan khususnya trak yang digunakan bagi membawa anggota keselamatan.

“Dalam hal ini, ia perlu dilihat kembali apakah pengangkutan sesuai digunakan anggota dalam operasi yang disertai mereka, termasuk pergi ke sesuatu tempat untuk berkursus dan kementerian perlu menyediakan pe-

ngangkutan yang sesuai kepada mereka,” katanya.

Dalam perkembangan sama, Adnan turut membangkitkan persoalan berkaitan jaminan perlindungan terhadap penjawat awam selepas kerajaan memansuhkan skim pencen bagi lantikan baharu.

“Apabila berlaku sesuatu tragedi selepas ini, kita tidak mahu waris kepada penjawat awam yang terkorban ketika bertugas terkapai-kapai tanpa jaminan sewajarnya hanya disebabkan skim lama dimansuhkan.

“Justeru, satu bentuk perlindungan menyeluruh perlu digariskan dalam skim perkhidmatan akan datang, termasuk dari segi pampasan, kebajikan waris dan keselamatan kerja,” katanya.

“Satu bentuk perlindungan menyeluruh perlu digariskan dalam skim perkhidmatan akan datang, termasuk dari segi pampasan, kebajikan waris dan keselamatan kerja”

Adnan Mat, Presiden CUEPACS



“Jadi sebagai penyelesaian, semua trak wajib dipastikan dinaik taraf dengan tempat duduk berpenahan dan dilengkapi tali pinggang keledar untuk setiap anggota”

*Law Teik Hua,
Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, UPM*